SEG/SICT/ACA/BBAIF/COVID-19/12102020

PEKELILING AKADEMIK
SPECTRUM INTERNATIONAL COLLEGE OF TECHNOLOGY (SICT)

PEMAKLUMAN

PEMBUKAAN INSTITUSI DAN PELAKSANAAN SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI SEMESTER OKTOBER 2020 – JANUARI 2021 DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

TUJUAN

1. Pekeliling akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga pelajar dan pendidik SICT mengenai pembukaan institusi dan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

2. Seperti yang diketahui umum, kerajaan telah mengumumkan fasa PKPP bermula 10 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020 dan hampir semua kegiatan ekonomi dan sosial termasuklah pendidikan boleh beroperasi semula dengan syarat mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagaimana yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang menjadi rujukan teras bagi tujuan pelaksanaan serta penguatkuasaan.

PEMBUKAAN INSTITUSI

3. Sukacita dimaklumkan bahawa SICT akan meneruskan semula sesi P&P secara fizikal bermula pada **19 Oktober 2020**. Para pelajar dan juga pendidik boleh merujuk pada Kalendar Akademik 2020 sepertimana yang telah dimuatnaik di portal pelajar iaitu *spectrum2u.com*.

PELAKSANAAN

4. Kaedah pelaksaan P&P bagi semester Oktober 2020 – Januari 2021 adalah secara atas talian.

5. Sehubungan itu, bagi memastikan proses P&P berjalan dengan lancar, pihak pengurusan akademik SICT telah menyediakan beberapa garis panduan seperti:

    a. Menyediakan jadual pembelajaran;
    b. Tenaga pengajar perlu merancang dan melaksanakan aktiviti P&P dan perlu akur kepada Prosedur Operasi Standard (SOP).

WAKTU KULIAH

6. Waktu kuliah adalah seperti berikut:

    Isnin hingga Jumaat : 9.30 pagi – 5.30 petang
    Waktu rehat : 12.30 tengah hari – 2.00 petang

    Tenaga pengajar dikehendaki memaklumkan kepada Koordinator Akademik jika terdapat keperluan kelas tambahan.

Sebarang makluman atau pertanyaan lanjut, sila hubungi Cik. Aini Nabilah binti Sulong (Koordinator Akademik) di talian 016-9392 062 atau aini@spectrum.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Cik Aini Nabilah binti Sulong
Koordinator Akademik – Ijazah
Spectrum International College of Technology

12 Oktober 2020